

Pusat Dakwah Islamiah Paroi jadi CAC

CAC itu adalah tambahan kepada CAC sedia ada di Taman Tasik Jaya dan Stadium Tertutup Nilai

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju menjadikan Pusat Dakwah Islamiah Paroi, Negeri Sembilan (PDINS) sebagai Covid-19 Assessment Center (CAC) atau Pusat Saringan Covid-19 bagi daerah Seremban.

Menteri Besar, Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, CAC ini adalah tambahan kepada CAC sedia ada di Taman Tasik Jaya dan Stadium Tertutup Nilai.

Katanya, pengurusan dan

operasi CAC ini dikelolakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Daerah Seremban bermula 22 Julai lalu.

“Bagi mengelakkan sebarang risiko jangkitan, pelanggan PDINS dinasihatkan berurus secara dalam talian jika ada urusan di Bahagian Dakwah, Undang-undang Keluarga atau Bahagian Pengukuasaan PDINS sepanjang tempoh CAC tersebut beroperasi.

“Jika pelanggan perlu hadir ke PDINS, sila dapatkan janji temu terlebih dahulu dengan bahagian yang berkaitan.

“Para pelanggan juga dinasihatkan untuk mematuhi semua arahan petugas dan SOP yang berkuat kuasa sekiranya perlu hadir ke kawasan tersebut,” katanya dalam satu kenyataan di laman sosial pada Ahad.


**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

Tambahnya, setiap individu yang ingin berurusan di mana-mana pejabat PDINS, dapat mengambil serius arahan pihak petugas dan mengambil langkah berhati-hati bagi memutuskan penularan wabak Covid-19.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, sehingga Khamis, seramai 478,519 penduduk di Negeri Sembilan atau 59 peratus daripada jumlah pendaftaran vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera telah divaksin.

Katanya, daripada jumlah tersebut, seramai 186,563 orang atau 23 peratus daripada pendaftaran telah lengkap divaksin dan secara keseluruhannya sebanyak 17 peratus daripada populasi seluruh negeri telah divaksin.

“Berdasarkan data yang diperoleh, kerajaan negeri optimis dengan sasaran 80 peratus



Aminuddin (kiri) semasa melawat Pusat Vaksinasi Mega di USIM Nilai baru-baru ini.

penduduk divaksin menjelang Oktober ini.

“Sama-sama kita berdoa agar imuniti kelompok dapat di-

capai dan rakyat negeri ini dapat dilindungi daripada wabak Covid-19, Insya-ALLAH,” kata-

FOTO: FB MBNS